

# Dr. Mahathir ahli politik, teknokrat bertaraf dunia

UM - 2 AUG 2005  
KUALA LUMPUR 1 Ogos — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang negarawan ulung yang membawa Malaysia ke satu era negara moden dan progresif.

Katanya, kehebatan, kewibawaan, kepimpinan dan integriti yang ada pada diri Dr. Mahathir menjadikannya seorang ahli politik yang hebat dan teknokrat bukan sahaja di peringkat nasional tetapi bertaraf dunia.

Beliau berkata, kejayaan Malaysia pada hari ini banyak dipengaruhi oleh kepimpinan Mahathir yang sentiasa berpegang kepada prinsip “tidak ada yang mustahil” di dunia ini.

## Keyakinan

“Dr. Mahathir telah berjaya menerapkan keyakinan itu dalam pentadbirannya dan sanubari setiap rakyat, melalui slogan keramat iaitu “Malaysia Boleh”.

“Slogan itulah yang telah membantu mencipta banyak kejayaan kepada negara dan mendorong rakyat mencatat kejayaan individu bertaraf dunia,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu yang bertemakan Tun Dr. Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan di Abad ke-21 merupakan yang pertama diadakan sejak institut itu ditubuhkan pada tahun 2003.